



Hakim-Hakim 1






SEPANJANG HAYAT YOSUA, UMAT-UMAT
ISREAL MENYEMBAH ALLAH TUHAN.



SELEPAS YOSUA MENINGGAL, UMAT ISRAEL
TETAP MENYEMBAH TUHAN DENGAN PIMPINAN PARA
PEMIMPIN ISRAEL YANG TELAH MENYAKSIKAN
PERBUATAN BESAR TUHAN UNTUK UMAT ISRAEL.



KEMUDIAN SEMUA ORANG ISRAEL DARIPADA GENERASI
ITU MENINGGAL... GENERASI YANG BARU TIDAK
MENGENALI TUHAN KERANA MEREKA TIDAK MENGALAMI
APA YANG TUHAN TELAH LAKUKAN UNTUK ISRAEL.




KEMUDIAN UMAT ISRAEL BERDOSA TERHADAP TUHAN, MEREKA TIDAK LAGI MENYEMBAH TUHAN, ALLAH NENEK MOYANG MEREKA, OLEH ITU TUHAN MURKA TERHADAP MEREKA DAN MEMBIARKAN PEROMPAK MENYERANG SERTA MEROMPAK MEREKA.



TUHAN MENINGGALKAN TANAH DI SEKITAR ORANG ISREAL UNTUK MENGUJI MEREKA – UNTUK MELIHAT SAMA ADA MEREKA AKAN MENGIKUTI DIA DENGAN SEGENAP HATI MEREKA.



GENERASI BARU INI TIDAK MENGALAMI SEBARANG PERTEMPURAN ATAU UJIAN IMAN YANG NENEK MOYANG MEREKA TELAH MENGHARUNGHI UNTUK Mendapatkan tanah yang Allah Janjikan.



DI DALAM BUKU YOSUA, UMAT-UMAT MENGIKUTI TUHAN DENGAN SEPENUH HATI MEREKA... DAN MENIKMATI KEMENANGAN BESAR.

TETAPI BUKU HAKIM-HAKIM ADALAH KESINAMBUNGAN SEDIH YANG MENCERITAKAN KEINGKARANG MEREKA – DAN KEKALAHAN.



ORANG ISRAEL INKAR DENGAN ARAHAN TUHAN, MEREKA BERKAHWIN DENGAN ORANG KANAAN DAN MENYEMBAH DEWA-DEWI MEREKA - DAN TERDAPAT RAMAI DEWA-DEWI UNTUK MENYEMBAH...



UMAT ISRAEL BERSOSA BESAR
KERANA TIDAK LAGI MENYEMBAH
TUHAN, ALLAH NENEK MOYANG
MEREKA.

BAAL, TUHAN BANGSA
SIDON, KUATKANLAH KAMI
DAN JADIKAN KAMI SUBUR
SEPERTI BAGAIMANA ENKAU
TELAH MAKMURKAN ORANG
KANAAN.

ASYTORET -
BERIKAN-KU SEORANG
ANAK LELAKI DAN BERKATI
RAHIM-KU.



KITA HARUS
MEMENUHI
KEWAJIBAN KITA
KEPADA DEWI
ASYTORET.

BAYI-BAYI
OLEH LELAKI-
LELAKI INI AKAN
MENJADI GAGAH -
DAN KUAT.



BAAL AKAN
MENJADI TUHAN RUMAH-KU.
DIA MENGAWAL CUACA
DAN BOLEH MENAMBAH
HASIL TANAMAN SAYA.

YA, SIAPA YANG
BOLEH MENYEMBAH
TUHAN YANG TIDAK
BOLEH DILIHAT?



SAYA SUDAH
CAKAP, ORANG KANAAN
AKAN TAHU APA YANG
HARUS DILAKUKAN.

YA BETUL!
SEMBAHAN KEPADA
TUHAN NENEK
MOYANG KITA
SUDAH LAPUK.

SEMBAHAN
JENIS INILAH
YANG BOLEH SAYA
BENAR-BENAR
MENIKMATI.



EL MERUPAKAN DEWA
TERTINGGI ORANG KANAAN.
DIA ADALAH TUHAN NAFSU
YANG TIDAK TERKAWAL DAN
MEMPUNYAI SIKAP ZALIM YANG
LUAR BIASA.



ANAKNYA BAAL MERUPAKAN
"TUHAN SYURGA" YANG
MENGAVAL CUACA DAN
RIBUT.

ORANG MENYEMBAHNYA SUPAYA
DIA DAPAT MEMBERI MEREKA
KESUBURAN DAN UNTUK
MELINDUNGI TANAMAN MEREKA.



ORANG MEMBERI PENGORBANAN
KEPADANYA DAN MELAKUKAN UPACARA
YANG TIDAK BERMORAL UNTUKNYA.



DI KAMAR KUIL, LELAKI DAN
WANITA MELAKUKAN
PERBUATAN YANG
TIDAK SENONOH.



SAUDARI-ISTERINYA DIPANGGIL
ASYTORET DAN MERUPAKAN
PENAUNG KESUBURAN DAN
PEPERANGAN.



TAMBAHAN LAGI, TERDAPAT BANYAK DEWA TEMPATAN DAN
DEWA-DEWA LAIN DI KALANGAN KAUM-KAUM TANAH ITU.

OLEH KERANA UMAT ISREAL TIDAK MENYEMBAH TUHAN, DIA MENJATUHKAN
PENINDASAN YANG KEJAM SELAMA TUJUH TEMPOH...



TETAPI SETIAP KALI, UMAT TUHAN BERSERU
KEPADANYA, TUHAN AKAN MENGHANTAR
SEORANG PENYELAMAT.



RAJA KUSYAN-RISYATIM DARI MESOPOTAMIA
MENAKLUK DAN MENINDAS UMAT ISREAL
SELAMA LAPAN TAHUN.



SAYA PENAT
MENYEMBUNYIKAN
BEKALAN MAKANAN
KAMI DARI RAJA
TAMAK INI.

DIA MENGAMBIL
KEDUA-DUA MAKANAN
DAN WANITA-WANITA
KAMI.



TUHAN MURKA
DENGAN KAMI KERANA
KAMI TELAH BERDOSA
TERHADAPNYA.

MUSA TELAH
BERFIRMAN INI
AKAN BERLAKU JIKA
KITA MENYEMBAH
TUHAN-TUHAN
LAIN.

SAYA
SUDAH TIDAK
LARAT....

APABILA UMAT ISRAEL BERSERU KEPADA TUHAN, DIA MENGUTUS
SEORANG LELAKI BERNAMA OTNIEL - ANAK BUAH KALEB YANG TELAH
MENGIKUTI YOSUA UNTUK MENAKLUKI TANAH YANG ALLAH JANJIKAN.



MARILAH KITA
IKUTI OTNIEL - TUHAN
ADA BERSAMANYA.



OTNIEL PERGI BERPERANG,
DAN TUHAN MEMBERI DIA
KEMENANGAN ATAS RAJA
MESOPOTAMIA DAN 12 SUKU
ISREAL AMAN SELAMA
40 TAHUN.







UMAT ISREAL DATANG DARI SELURUH NEGARA UNTUK MENGIKUTI EHUD. MEREKA MEMBUNUH KIRA-KIRA 10,000 ORANG ASKAR MOAB DAN MENGAMBIL BALIK TANAH MEREKA.



AMBIL TEMPAT DI PENYEBERANGAN ORANG MOAB DI SUNGAI YORDAN – ITULAH SATU-SATU TEMPAT DI MANA MEREKA HARUS LALUI.



DAN NEGERI ISRAEL AMAN SELAMA 80 TAHUN.




PADA MASA INI JUGA, SEORANG LAGI PEMIMPIN YANG BERNAMA SAMGAR JUGA BERJUANG DAN MEMBEKAS ORANG-ORANG ISRAEL. DIA MEMBUNUH 600 ORANG FILISTIN DENGAN SEBUAH TONGKAT PENGGIRING LEMBU.

ADA AKHIR 80 TAHUN ITU, UMAT ISREAL KEMBALI MENYEMBAH DEWA-DEWI MEREKA DAN BERDOSA LAGI TERHADAP TUHAN.



KALI INI UMAT ISREAL MENGHADAPI CABARAN KETIGA MEREKA DENGAN RAJA YABIN, RAJA ORANG KANAAN.



RAJA YABIN IALAH SEORANG YANG KEJAM.

BAGINDA MENJAJAH UMAT ISRAEL DENGAN KEJAM DENGAN 900 BUAH KERETA KUDA BESINYA YANG DIPIMPIN OLEH PANGLIMA TENTERANYA, SISERA.



TENTERA ITU TIDAK BOLEH DIKALAHKAN DAN SELAMA 20 TAHUN, UMAT ISREAL MENDERITA DI BAWAH PEMERINTAHAN KEJAMNYA.

POKOK DEBORA – 1260 S.M., DEBORA, NABI PEREMPUAN YANG MENGHAKIM DAN MEMIMPIN SEMUA DI ISREAL YANG INGIN Mencari KEHENDAK TUHAN.



MEREKA MEMBAKAR BANGSAL-KU YANG PENUH DENGAN BIJIRAN HINGGA TIDAK ADA APA-APA YANG TINGGAL.

ASKAR-ASKAR MEREKA MENGAMBIL ANAK PEREMPUANKU!

KAMI BERSERU KEPADA TUHAN – TETAPI DIA TIDAK DENGAR KAMI.



DOSA-DOSA KAMI TELAH MEMISAHKAN KAMI DARI BERKAT DAN PERLINDUNGAN YANG MAHA TINGGI.



TUHAN **BERKATA** KALAU KAMI MENYEMBAH TUHAN-TUHAN LAIN, KAMI AKAN MENDERITA.

KAMI TELAH BERDOSA!

SUAMIKU TELAH BUANGKAN PATUNG BAAL DI KAMPUNG KAMI! KAMI HANYA AKAN MENYEMBAH TUHAN ALLAH KAMI – DAN IKUTI KATA-KATANYA.



SEKALI LAGI, MEREKA MENYERU KEPADA TUHAN UNTUK MENOLONG MEREKA.



PANGGILLAH BARAK. BAWALAH DIA KEPADAKU.



PUAN MEMANGGIL
HAMBAMU- BARAK.



TUHAN TELAH
BERIKAN PERINTAH
INI KEPADAKU.

BAWALAH 10,000
ORANG DARIPADA SUKU
NAFTALI DAN SUKU ZEBULON,
DAN PIMPINLAH MEREKA
KE GUNUNG TABOR.



TUHAN AKAN MENYEBABKAN SISERA,
PANGlima TENTERA RAJA YABIN, BERPERANG
DENGAN ENKAU DI SUNGAI KISON. WALAUPUN
DIA MEMPUNYAI KERETA KUDA DAN
TENTERANYA, AKU AKAN MEMBERI
ENKAU KEMENANGAN.



SAYA AKAN
PERGI JIKA PUAN
PERGI BERSAMA-KU;
TETAPI JIKA PUAN
TIDAK PERGI, SAYA
PUN TIDAK AKAN
PERGI.



BAIKLAH.



SAYA AKAN PERGI BERSAMA KAMU,
TETAPI KAMU TIDAK AKAN MENDAPAT
PENGHORMATAN DARIPADA KEMENANGAN
INI, KERANA TUHAN AKAN MENYERAHKAN
KEMATIAN SISERA KEPADA SEORANG WANITA.

SEBANYAK 10.000 ORANG DARI SUKU ZEBULON DAN SUKU
NAFTALI MENGIKUTI BARAK UNTUK BERPERANG.

...DAN DEBORA JUGA
PERGI BERSAMANYA.





JAUH DARI BUNYI-BUNYI PEPERANGAN ,
TERDAPAT HEBER DAN ISTERINYA Yael.

HEBER DILAHIRKAN DARI KETURUNAN HOBAB,
IPAR MUSA, MELALUI ISTERINYA ZIPORA.




MEREKA ORANG NOMAD YANG TINGGAL DI
KALANGAN ORANG ISREAL DAN MEMPUNYAI
HUBUNGAN BAIK DENGAN MEREKA.



SISERA BERSAMA DENGAN SELURUH
TENTERANYA KELUAR DARI KUBU
KUKUH MEREKA.



AKHIRNYA, SUATU
PERANG YANG LAYAK UNTUKKU –
DAN SUATU PERANG YANG LELAKI-
LELAKI LAYAK MATI UNTUK.













PETEMPURAN ITU TIDAK MEMIHAK KEPADA
TENTERA ORANG KANAAN YANG ANGKUH ITU.



PENGHORMATAN
PERTEMPURAN
INI TIDAK AKAN
DIBERI KEPADA
BARAK.



KEJAR MEREKA DENGAN CEPAT.
BUNUH MEREKA SEHINGGA
TIADA SESIAPA PUN YANG
HIDUP.



TOLONG.
TOLONGLAH
SAYA.






TETAPI Yael MENGAMBIL
SEBATANG PASAK KHEMAH...



...DAN DENGAN
SENYAP DIA
MENGHAMPIRI SISERA
YANG SEDANG
TIDUR KERANA LETIH.



DENGAN TUKUL, Yael
MEMAKUKAN PASAK
ITU DI PELIPIS SISERA,
SEHINGGA PASAK ITU
TEMBUS KE TANAH,
DAN SISERA MATI.





PANGLIMA TENTERA ORANG KANAAN TIDAK BOLEH MELARIKAN DIRI. KAMI MESTI MENANGKAPNYA UNTUK KEMENANGAN KAMI, SUPAYA DIA TIDAK MENGUMPUL TENTERANYA SEMULA.

KAMI MELIHATNYA MELARIKAN DIRI DARI PERTEMPURAN KE ARAH INI. DIA MESTI BERDEKATAN.



MARI! SAYA AKAN MENUNJUKKAN ORANG YANG TUAN CARIKAN.



FIRMAN NABI PERUMPAN ITU MENJADI KENYATAAN – ISTERI HEBER – MEMBUNUH PANGLIMA TENTERA HEBAT, SISERA.

...DAN DIA DIBERI PENGHORMATAAN ATAS KEMENANGAN ITU.



PADA HARI ITU, ALLAH MEMBERI ORANG ISRAEL KEMENANGAN ATAS RAJA YABIN, RAJA KANAAN.

DAN ORANG ISREAL MENJADI SEMAKIN KUAT SEHINGGA MEREKA MEMUSNAHKAN SEMUA MUSUH MEREKA.

DAN PADA HARI ITU, MEREKA
MENYANYIKAN LAGU DEBORA.

PAHLAWAN ISRAEL BERTEKAD
UNTUK BERPERANG; RAKYAT
RELA BERJUANG -
PUJILAH TUHAN!

DENGARLAH, HAI
RAJA-RAJA! AKU AKAN
BERNYANYI DAN BERMAIN
MUZIK, BAGI TUHAN,
ALLAH ISRAEL.

BUMI BERGETAR...
GUNUNG BERGONCANG
DI HADAPAN TUHAN,
ALLAH UMAT ISRAEL.

KOTA-KOTA DI
ISRAEL DITINGGALKAN,
HAI DEBORA, SUNYI SEPI
SEHINGGA ENKAU DATANG;
ENKAU DATANG SEBAGAI
IBU UMAT ISRAEL.

KEMUDIAN PERANG
BERLAKU DI DALAM NEGERI,
APABILA ORANG ISRAEL
MULA MENYEMBAH
DEWA-DEWI.

DEKAT SUNGAI DI MEGIDO,
RAJA-RAJA DATANG UNTUK
BERPERANG; RAJA-RAJA
KANAAN BERJUANG, TETAPI
MEREKA TIDAK MENGAMBIL
PERAK SEBAGAI JARAHAN.

DARI TEMPAT
PEREDARAN BINTANG DI
ANGKASA, BINTANG TURUT
BERJUANG MELAWAN
SISERA. AIR DERAS SUNGAI
KISON MENGHANYUTKAN
MUSUH.

SEMOGA SEMUA
MUSUH-MU, YA
TUHAN, MATI SEPERTI
SISERA!

TETAPI SEMOGA
SAHABAT-MU MEGAH
SEPERTI SURIA
DI ANGKASA!

KEMUDIAN NEGERI ITU AMAN
SELAMA 40 TAHUN.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV